



KENYATAAN MEDIA

PETRA BEKALKAN 12 JUTA LITER SEHARI AIR KUMBAHAN TERAWAT KEPADA LOJI AIR PULIH GUNA PUSAT DATA DI JOHOR

JOHOR, 11 Ogos 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dengan kerjasama erat Kerajaan Negeri Johor hari ini melakar sejarah baharu apabila melaksanakan inisiatif air dipulih guna khusus bagi sektor pusat data. Melalui program ini, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd., agensi di bawah PETRA, akan membekalkan sehingga 12 juta liter sehari air kumbahan terawat kepada loji air pulih guna yang menyokong operasi dua pusat data utama di Johor.

Pengiktirafan kepada pusat data yang mengamalkan penggunaan sumber air alternatif ini disampaikan menerusi Majlis Pengiktirafan Penggunaan Air Alternatif bagi Industri Pusat Data Johor. Usaha ini mencerminkan komitmen bersama Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam memastikan kestabilan bekalan air, di samping menggalakkan amalan industri teknologi yang lebih mampan dan berdaya tahan.

PETRA melalui agensinya, syarikat pembetungan nasional Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd. dan Kerajaan Negeri melalui Johor Special Water (JSW) iaitu anak syarikat kepada Permodalan Darul Ta'zim (PDT) akan bekerjasama membekalkan sumber air kumbahan terawat melalui sistem pengagihan bersepadu kepada Loji Air Pulih Guna di Bridge Data Centres (BDC) dan Computility Technology (Malaysia). Di samping itu, JSW juga membekalkan sumber air alternatif lain kepada Dayone Data Centre Malaysia II Sdn Bhd (Dayone).

Dalam konteks ini, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) akan membekalkan 12 juta liter sehari air kumbahan terawat daripada proses rawatan air kumbahan kepada Loji-Loji Air Pulih Guna yang dibina Bridge Data Centres (BDC) dan Computility Technology (Malaysia). Sementara itu, syarikat Dayone pula akan menggunakan sumber air alternatif yang lain.

Pusat data merupakan antara pengguna utama air terawat, khususnya bagi tujuan sistem penyejukan. Justeru, langkah untuk mempelbagaikan sumber air alternatif melalui pendekatan mampan bukan sekadar keperluan operasi, malah merupakan satu tanggungjawab bersama untuk melindungi sumber air negara dan menyokong pertumbuhan industri untuk berdaya tahan.

Sehubungan itu, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor ini adalah satu mercu tanda penting bagi menggalakkan pertumbuhan mampan pusat data di Johor, tanpa memberi tekanan kepada bekalan air negeri. Sebanyak 3 pusat data di Johor hari ini telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan dalam penggunaan air alternatif bagi kegunaan pusat data masing-masing.

Negeri Johor terus diyakini menjadi pusat pelaburan terbaik di rantau ini, dan ianya dapat dibuktikan apabila pelaburan asing kian rancak masuk bagi menyokong pembangunan pusat data dan akan melonjak kedudukan negeri Johor sebagai gergasi pusat data di rantau ini dan Johor Bahru sebagai pemangkin kepada kemajuan wilayah selatan Semenanjung Malaysia selaku koridor penghubung antara Malaysia dan negara Singapura melalui *Johor-Singapore Special Economic Zone*.

Pembangunan industri pusat data di negeri ini dipantau oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Pusat Data Negeri Johor yang berperanan memastikan pembangunan projek memberi fokus kepada penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi menjimatkan elektrik dan penggunaan air.

Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ini menjadi satu usaha penting dalam memacu Malaysia ke arah masa depan yang lebih mampan, berdaya tahan dan progresif. Inisiatif penggunaan air dipulih guna ini adalah sejajar dengan Keutamaan D6: Pemeliharaan Kesihatan Bumi RMK13 yang antaranya menekankan usaha mempelbagaikan sumber air secara mampan dan mengurangkan kebergantungan kepada air mentah. Ia turut seiring dengan hala tuju Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR2040) yang mengiktiraf air dipulih guna sebagai sumber alternatif penting bagi sektor industri air.

Justeru, adalah wajar kejayaan negeri Johor dalam membangunkan industri pusat data dicontohi oleh negeri-negeri lain terutama dalam penggunaan air dipulih guna dan tenaga hijau. Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan aspek kemampanan sumber dan keterangkuman, PETRA menyokong usaha ini yang dilaksanakan secara bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan masa depan sumber air negara yang lebih terjamin dan inklusif.

**Kementerian Peralihan Tenaga dan
Transformasi Air (PETRA)**

**Kerajaan Negeri
Johor Darul Ta'zim**